

03/03/1997

Juara milik Wai Leong

sain Said

PELUMBA negara, Ng Wai Leong, mencipta sejarah peribadi apabila mengungguli perlumbaan akhir kategori terbuka dalam Kejohanan Kart-Prix Asean pusingan pertama di Litar Kart Antarabangsa Morac, Langkawi, semalam.

Dia yang juga naib juara tahun lalu mencatat kepantasan 21:03.144s dalam perlumbaan 22 pusingan itu.

Dia menerima trofi dan hadiah AS\$1,000 (RM2,500) yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengekorinya di tempat kedua ialah pelumba dari Singapura, Kenny Yip, yang mencatat masa 21:08.830s, meninggalkan pelumba dari Malaysia, Freddy Numan Lawan, yang tiba dengan masa 21:27.778s.

Yip menerima AS\$750 (RM1,875) dan trofi manakala Freddy meraih AS\$500 (RM1,750) selain trofi.

Pelumba muda negara, Mohd Fairuz Fauzy, yang memulakan perlumbaan di petak terakhir, berjaya menduduki tempat kelima selepas memintas beberapa pelumba.

Dia terperosok di petak berkenaan kerana mengalami masalah enjin dalam pusingan separuh akhir dan tidak dapat meneruskan perlumbaan dalam pusingan berkenaan.

Mengulas kemenangannya pula, Wai Leong gembira kerana usaha dan cita-cita untuk mengungguli setiap kejohanan yang disertai beroleh kejayaan setimpal.

"Saya memperolehi kemenangan mudah kerana saingan saya, Fairuz, tergelincir di petak ke-12 pada permulaan perlumbaan. Saya harap akan memenangi perlumbaan berikutnya nanti," katanya.

Fairuz pula turut berpuas hati di tempat kelima selepas bermula di petak terakhir.

"Saya berpuas hati dalam penyertaan pertama kategori terbuka. Nasib tidak menyebelahi saya dalam separuh akhir kerana mengalami masalah enjin. Saya akan memastikan untuk memberi saingan dalam pusingan berikutnya," katanya.

Dalam perlumbaan akhir kategori kebangsaan pula, Royce Foong mencatat kepantasan 20:16.056s untuk memenangi perlumbaan 21 pusingan, disusuli oleh Keifli Othman yang hanya ketinggalan 0.855s.

Kemin Koo pula menduduki tangga ketiga dengan mencatat kepantasan 20:20.316s.

Mereka memenangi trofi dan hadiah wang tunai RM1000 bagi tempat pertama, RM750 (kedua) dan RM500 (ketiga).

Dalam kategori kadet, pelumba dari Singapura, Thomas Phillips, mencatat masa 8:59.645s untuk menggondol trofi dan RM500 manakala pelumba negara, Nik Iruwan Nik Izani, menerima trofi dan RM400 di tempat kedua.

Seorang lagi pelumba negara, Abdul Hafi Farhan, menduduki tempat ketiga untuk menerima hadiah trofi dan wang tunai RM300.

(END)